

Keburukan Vandalisme di Kalangan Remaja

Perbuatan vandalisme kerap menjadi perbincangan di kalangan pemimpin masyarakat dan media massa. Hal ini kerana, perbuatan vandalisme semakin bertambah dari sehari ke sehari. Pada pandangan saya, isu ini tidak wajar dipandang ringan oleh masyarakat. Sesungguhnya, isu vandalisme ini boleh mendatangkan (1) _____ kepada masyarakat dan negara. Jika diperhalusi, banyak keburukan akibat perlakuan vandalisme yang dilakukan oleh remaja.

Keburukan pertama ialah remaja yang terlibat dengan vandalisme akan ditangkap. Jika didapati bersalah, remaja berkenaan akan dihukum dengan membayar denda atau dihantar ke (2) _____. Ibu bapa dan keluarga remaja berkenaan turut akan mendapat malu. Natiujahnya, hubungan dalam keluarga menjadi kurang bahagia dan ia juga boleh membawa kepada (3) _____ oleh masyarakat setempat. Untuk mengelakkan permasalahan ini berlaku, ibu bapa perlu mengawasi tingkah laku anak-anak mereka.

Kemudahan awam yang rosak akan mendatangkan masalah kepada masyarakat. Hal ini kerana, kemudahan awam dibina oleh kerajaan adalah untuk (4) _____. Antara kemudahan tersebut ialah telefon awam, tempat menunggu bas dan tandas awam. Kerosakan telefon awam misalnya boleh menyebabkan masalah apabila berlaku (5) _____ seperti kebakaran atau kemalangan. Justeru, masyarakat hendaklah menghalang pihak yang cuba merosakkan harta benda awam untuk mengelakkan masalah yang tidak diingini daripada berlaku.

Kerosakan alat permainan di taman permainan pula menyusahkan kanak-kanak. Ada di antara permainan kanak-kanak ini sudah patah dan sebahagiannya pula tidak dapat berfungsi dengan baik. Permainan yang tidak dapat berfungsi dengan baik ini kadang-kadang boleh mendatangkan (6) _____ kepada kanak-kanak. Kanak-kanak juga tidak dapat bermain dengan selesa kerana kerosakan alat permainan ini. Keadaan ini pasti akan (7) _____ ibu bapa bersama anak-anak yang beriadah di taman permainan.

Kerajaan juga menghadapi masalah akibat perlakuan vandalisme remaja ini. Hal ini kerana pembinaan kemudahan awam memerlukan (8) _____. Apabila kemudahan awam ini rosak akibat vandalisme, maka kerajaan terpaksa (9) _____ yang banyak untuk memperbaiki kerosakan tersebut. Antara kemudahan awam yang selalu dirosakkan ialah telefon awam, tandas awam dan taman permainan. Sesungguhnya kerajaan dapat (10) _____ dan membina banyak kemudahan awam yang lain jika perbuatan vandalisme ini dapat dihentikan.

Kemudahan awam yang rosak juga memberi gambaran buruk terhadap sikap rakyat, khususnya golongan remaja pada pandangan para pelancong. Keadaan ini pastinya akan (11) _____. Pada jangka masa panjang, keadaan ini akan turut mengganggu kemajuan (12) _____. Oleh itu, kemudahan awam yang berada di lokasi yang selalu dikunjungi oleh pelancong perlu sering dipantau agar sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat. Para remaja pula harus diberi kesedaran tentang akibat perbuatan vandalisme terhadap sektor pelancongan negara.

Sebagai penutup daripada perbincangan di atas, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara akibat perbuatan vandalisme. Pada pendapat saya perbuatan vandalisme ini perlu (13) _____ sehingga ke akar umbi. Pihak ibu bapa patut memainkan peranan penting dalam (14) _____ di kalangan anak-anak. Kementerian Pelajaran juga perlu memainkan peranan dengan mewujudkan program-program kesedaran tentang keburukan vandalisme kepada pelajar. Jika semua pihak dapat bekerjasama, saya pasti perbuatan vandalisme dapat diatasi dan sekaligus dapat (15) _____ rakyat dan negara.

menerapkan nilai-nilai murni灌输崇高价值 Sektor pelancongan negara国家旅游业 mengganggu keseronokan干扰乐趣 kesan buruk不良后果 mengeluarkan wang支出款项 perbelanjaan yang tinggi高昂的开支 menjimatkan wang节省金钱 kecederaan受伤	dibanteras segera立即铲除 pengasingan hidup社交隔离 kemudahan orang ramai大众便利 mengurangkan masalah减少问题 kecemasan紧急情况 pusat pemulihan康复中心 merosakkan imej negara损害国家形象
---	---